

**Mahathir yakin pengundi K'ta
akan pilih Barisan Nasional.**

RAKYYAT

JANGAN

TERTIPI

UM 10 MARI 1978

KOTA BHARU 9 Mac —
Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yakin rakyat Kelantan akan memilih Barisan Nasional di hari membuang undi dalam pilihanraya Dewan Undangan Negeri Kelantan Sabtu ini untuk membolehkan wujudnya sebuah kerajaan yang jujur untuk berkhidmat bagi kepentingan rakyat.

Beliau berharap rakyat negeri ini tidak akan tertipu lagi dengan janji-janji PAS yang telah tidak membuat apa-apa kemajuan dalam masa pemerintahannya selama 15 tahun.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu lebih 1,000 orang di majlis ceramah Barisan Nasional di Sekolah Kebangsaan Kampung Banggol malam tadi, Barisan Nasional tidak tamak kuasa dan sebaliknya akan bekerjasama dengan Berjasa di Kelantan.

"Jika kita tamak kuasa kita boleh mengadakan pilihanraya di negeri ini dalam masa berlakunya rusuhan dulu, tetapi bukanlah tujuan kita untuk menggunakan kuasa dalam keadaan seperti itu", tambahnya.

Ceramah tersebut diadakan sebagai membantu calon Barisan Nasional kawasan Semut Api, Encik Mohamad bin Hussein yang akan ditentang oleh tiga orang calon lain dari Berjasa, PAS dan bebas.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan rakyat Kelantan kerajaan PAS tidak akan memberi sebarang kemajuan kepada mereka kerana para pemimpinnya lebih memperjuangkan kepentingan diri dari kebajikan rakyat.

OLEH MOHD NOR SHAMSUDDIN

Beliau berkata manifesto Barisan Nasional yang dikeluarkan untuk tatapan rakyat negeri ini lebih menekankan kepada pembangunan dan bukan untuk kepentingan undi.

Katanya, kerajaan Barisan sanggup mengadakan peruntukan yang banyak, tetapi soal pembangunan bukan semata-mata wang kerana wang yang banyak tidak menjamin kemajuannya.

Mengulas hasrat PAS untuk bekerjasama dengan Kerajaan Pusat sebagaimana terkandung dalam manifesto parti itu, Timbalan Perdana Menteri berkata: "Kalau semasa dalam Barisan Nasional PAS tidak dapat memberi kerjasama kepada Pusat, apatah lagi apabila telah menjadi pembangkang".

Tindakan

Mengenai dakwaan PAS adanya rasuah dalam UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata kerajaan telahpun mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat sama ada di dalam mahupun di luar UMNO.

"Tetapi PAS pula mengambil tindakan terhadap orang yang tidak melakukan rasuah dan melindungi mereka yang melakukan rasuah", katanya dengan menarik perhatian kepada penyingkiran Datuk Haji Mohamad Nasir kerana membongkar penyelewengan PAS.

Mengulas dakwaan pemimpin PAS kononnya langkah kerajaan untuk membayar gaji imam di Kelantan sebagai terkandung dalam manifesto Barisan Nasional, beliau berkata:

"Saya tidak tahulah kalau dia pergi ke Moscow, dia kata pendakwah Islam di

Russia diberi gaji, pemergiannya ke Moscow boleh disahkan oleh pasporinya".

Datuk Sri Dr. Mahathir berkali menekankan bahawa Kerajaan Pusat tidak tamakkan kuasa dan ini telahpun dibuktikan apabila tertubuhkan Mageran selepas peristiwa 13 Mei, 1969 yang ketika itu Allahyarham Tun Razak dan Allahyarham Tun Dr. Ismail mempunyai kuasa penuh yang boleh melakukan apa saja.

"Kalau kerajaan tidak mahu lain-lain parti mereka boleh bertindak mengharamkannya dan PAS mungkin tidak wujud lagi", katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa PAS memang tidak mementingkan perpaduan bangsa Melayu dan ini terbukti kerana ada antara kalangan dalam parti itu tidak bersetuju dengan penyertaan PAS dalam Barisan Nasional dalam tahun 1974.

Katanya, kerana UMNO lebih mementingkan perpaduan orang Melayu, UMNO sanggup memenuhi tuntutan PAS untuk mendapatkan kerusi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri, menjadi menteri dan lain-lain.

Beliau berkata, dalam tiap muktamarnya para pemimpin PAS mempengaruhi ahli-ahlinya dan mereka mengkaji kedudukannya dalam Barisan walaupun apa yang dituntut mereka dipenuhi.

Ini adalah merupakan ugutan mahukan kedudukan di dalam Barisan sebagai menunjukkan tamaknya pemimpin-pemimpin parti itu, katanya.

Beliau menyeru rakyat Kelantan supaya memberikan undi mereka kepada Barisan Nasional, bukan saja untuk kebaikan diri mereka dan anak-anak, tetapi juga mendapatkan kepimpinan kerajaan yang jujur.

"Kalau rakyat Kelantan memilih Barisan Nasional kita akan dirikan kerajaan yang jujur yang berkhidmat kepada rakyat", katanya.